

## **BAB II**

### **PENGENALAN TENTANG ACEH**

## BAB II

### PENGENALAN TENTANG ACEH

#### 2.1. Latar Belakang Negeri Aceh

Sebutan nama Aceh di Nusantara disebut dengan beberapa perkataan. Dalam ejaan bahasa Melayu di Malaysia ia disebut *Acheh*. Manakala dalam ejaan bahasa Indonesia ia disebut dengan *Aceh*. Sedangkan dalam ejaan Aceh lama disebutkan dengan ejaan *Atjeh*, sebagai mana dijumpai dalam catatan sejarah lama. Kesimpulan penyebutannya di Nusantara ada tiga jenis ucapan iaitu *Acheh*, *Aceh*, *Atjeh*.

Orang-orang Eropah dan Barat menyebutnya dengan beberapa sebutan, di antaranya: Portugis dan Itali menyebutnya dengan *Achem*, *Achen*, *Acen*. Perancis mengatakan dengan *Achem*, *Achen*, *Achin*, *Acheh*. Inggeris pula menyebutnya *Atcheen*, *Acheen*, *Achin*. Belanda akhirnya mengatakan *Achem*, *Achin*, *Atchim*, *Athcien*, *Atjih*, *Atsjiem*, *Atsjeh*.<sup>1</sup>

Adapun dalam ungkapan Arab ada beberapa sebutan pula, antaranya: Orang Arab Saudi mengatakan dengan بيت الأتشي sebagai mana terdapat pada Rumah Aceh di Jalan Ajyad Mekkah al-Mukarramah iaitu بيت الأتشي (Rumah Aceh).<sup>2</sup> Orang Mesir menyebutnya dengan sebutan أتشي sebagai mana yang terdapat

<sup>1</sup> H.M.Zainuddin (1961), *Tarich Atjeh Dan Nusantara*. Medan: Pustaka Iskandar Muda, h.33.

<sup>2</sup> *Bait al-Asyi* atau Rumah Aceh ini dahulunya dijadikan sebagai tempat kediaman pembesar-pembesar Aceh (kedutaan). Ia didirikan ketika Arab Saudi diperintah oleh Malik Faisal dan Aceh diperintah oleh Sultan Iskandar Muda. Pada hari ini ia dikelola oleh Badan Wakaf Arab Saudi dijadikan sebagai tempat penginapan jamaah haji asal Indonesia. Ia dapat diambil semula apabila Aceh berdaulat kembali seperti dahulu.

dalam akhbar<sup>3</sup> dan buku-buku sejarah cetakan Mesir.<sup>4</sup> Terdapat juga dalam buku sejarah Tionghoa dengan tulisan *A-tse*. Bentuk yang lebih tua lagi ialah *Tadji* atau *Tashi* nisbah kepada negeri Pasai. *Pa* berubah menjadi *Ta*.<sup>5</sup>

Dalam buku *Tarich Atjeh Dan Nusantara* dijelaskan lagi seorang ahli sejarah yang bernama Gerini berpendapat, bahawa yang dimaksud dengan *Atjeh* atau *Dacheh* atau *Tashih* adalah negeri Pasai, yang dalam Injil disebut sebagai *Tarshih* iaitu sebuah perkampungan kediaman bangsa Phunisia. Menurutnya lagi, bahawa nama Atjeh sudah dikenali sejak 300 tahun sebelum Masihi lagi<sup>6</sup>. Beliau membenarkan apa yang diperkatakan oleh Dimaski bahawa Atjeh adalah *Ashir* asal penuhnya *Asyir Barosa*.<sup>7</sup>

Nama itu juga sudah terkenal pada masa Ptolemaeus (301 s.m) dengan nama Barosai iaitu daerah Barus di dekat Pasai dan Argyre (kampung Perak).<sup>8</sup> Pasai sekarang terletak di Kecamatan Syamtalira Bayu Aceh Utara dan daerah Argyre atau negeri Perak sekarang dikenali dengan *Pante Pirak* terletak di Kecamatan Matangkuli Aceh Utara.

---

<sup>3</sup> *Al-Wafid*, 2/11/1999.

<sup>4</sup> Mahmūd Syākir (1997), *Tārīkh al-Islāmī. Tārīkh al-Mu'āsir: al-Qārah al-Hindīyyah Janūb Sharq Asia Mālīziya wa Andūnisiyah*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, Jil. 20, h. 366.

<sup>5</sup> Zainuddin (1961), *Tarich Atjeh Dan Nusantara*, h. 33.

<sup>6</sup> *Ibid.*

<sup>7</sup> *Ibid.*

<sup>8</sup> Barus yang terkenal dalam sejarah terletak antara sempadan Tapanuli dan Aceh Tenggara iaitu sebuah kampung yang terletak di wilayah Singkil, Aceh Selatan. Barus juga dikenali dengan al-Fansur iaitu tempat kelahiran Syeikh Abdur Rauf al-Fansury al-Singkily. Jarak antara Barus dan Singkil hanya 60 km.

Apabila kita dengar ungkapan Barus atau Kafor Barus yang disebut oleh orang-orang Aceh sebagai *Kafou*, maka tidak berlebihan apabila Dr. Abdullah Ishak dalam bukunya "Islam Di Nusantara: Khususnya Di Tanah Melayu", beliau mengatakan bahawa Kafor yang dalam bahasa Melayu terdapat juga dalam bahasa Al-Qur'an pada surah al-Insan ayat 5.

إِنَّ الْأَبْرَارَ يَشْرَبُونَ مِنْ كَأسٍ كَانَ مِزَاجُهَا كَافُورٌ.

Maksudnya: Sesungguhnya orang yang berbakti (dengan ta'at dan kebajikan), akan meminum dari piala: sejenis minuman yang bercampur dengan "kafur".

Terjemahan Surah al-Insan (29): 5.<sup>9</sup>

Pengkaji berpendapat fakta ini bukan sekedar rekaan semata, kerana Kafor Barus sememangnya begitu banyak di Aceh. Fakta ini diperkuatkan lagi oleh catatan HAMKA bahawa orang-orang Arab sebelum kelahiran Muhammad s.a.w lagi telahpun berlayar ke Nusantara untuk mencari rempah ratus dan Kafor Barus.<sup>10</sup> Menurut beliau dalam tafsir *Al-Azhar*, Kafor tersebut banyak tumbuh di Barus Pulau Sumatera.<sup>11</sup> Barus sekarang masuk sebahagian dari Aceh Singkil.

## 2.2. Geografi

Aceh adalah sebuah negeri yang terletak di hujung Utara pulau Sumatera dan berada antara  $2^{\circ}$ - $6^{\circ}$  di lintang Utara dan  $95^{\circ}$ - $98^{\circ}$  di lintang Selatan dengan ketinggian rata-rata 125 meter di atas permukaan laut. Aceh pada hari ini adalah

<sup>9</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2000), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al Quran (30)* Juz, Cet. 13. Kuala Lumpur: Darul Fikir, h. 1328.

<sup>10</sup> Abdullah Ishak (1990), *Islam Di Nusantara: Khususnya Di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Badan Dakwah Dan Kebajikan Islam Malaysia, h. 23.

<sup>11</sup> HAMKA (1990), *Tafsir Al-Azhar*, Jil. 10. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd., h. 7790.

sebuah propinsi wilayah Republik Indonesia. Ia terdiri atas 16 buah Kabupaten dan 4 buah Kota Madya. Dibahagi kepada 201 kecamatan, 642 mukim dan 5.720 desa. Lihat lampiran I.

Secara geografi kedudukan wilayah Aceh terletak di jalur yang strategik iaitu berada pada jalur pelayaran dan perdagangan antarabangsa. Di bahagian Utara dan bahagian Timur bersebelahan dengan Selat Melaka dan bahagian Selatan bersempadan dengan Medan, Sumatera Utara. Sedangkan di bahagian Barat bersempadan dengan Samudera Indonesia.<sup>12</sup> Lihat Peta Aceh. Lampiran II.

Mengikut laporan Badan Statistik menyebutkan bahawa Aceh memiliki keluasan  $57,365,57 \text{ km}^2$ . Dengan rincian, kawasan hutan mempunyai keluasan paling luas iaitu  $39,460,75 \text{ km}^2$ . Perkebunan mempunyai keluasan seluas  $3298,80 \text{ km}^2$ . Perlombongan memiliki keluasan paling kecil iaitu  $4,90 \text{ km}^2$ .<sup>13</sup> Negeri Aceh bukan hanya dikelilingi oleh lautan tapi juga diliputi oleh pergunungan yang terpanjang melintang di sekelilingnya. Antara gunung-gunung yang dikategorikan tinggi di Aceh pengkaji letakkan pada lampiran. Lihat lampiran III.

Selain itu di Aceh juga terdapat beberapa buah Danau yang dianggap menjadi kebanggaan Aceh. Antara danau yang terbesar di Aceh ialah Danau Laut Tawar dengan luas  $60 \text{ km}^2$ , yang terletak di Kabupaten Aceh Tengah dengan

<sup>12</sup> *Aceh Dalam Angka* (2001), Banda Aceh: BPS Prov NAD kerjasama dengan BAPPEDA Prov NAD, h. 3. Lihat juga, Arifin Syawal (2001), *Peta Daerah Istimewa Aceh*.

<sup>13</sup> *Aceh Dalam Angka* (2001), *op.cit.*, h. 3. Lihat juga, Buku *Indonesia-Aceh* (t.t), No. 3713/YPAH /961., h. 7.

ketinggian 1.225 meter di atas permukaan laut.<sup>14</sup> Danau ini diperkirakan akan menjadi sumber air untuk wilayah Aceh. Tetapi sampai ke hari ini ia belum dapat difungsikan melainkan hanya dijadikan sebagai kawasan pelancongan sahaja. Kedua Danau Aneuk Laot yang terletak di pulau Weh, Sabang.

Sebagai mana telah dijelaskan bahawa negeri Aceh di kelilingi oleh pesisir pantai yang sangat strategik. Dengan itu, Aceh memiliki banyak pelabuhan laut yang menjadi penghubung jalur perdagangan nasional dan internasional.<sup>15</sup> Sepertimana di daerah-daerah lain di Nusantara, Aceh juga memiliki beberapa bandar udara atau lapangan terbang di seluruh pelosok negeri Aceh.<sup>16</sup> Lapangan terbang atau airport dan pelabuhan yang terpenting di Aceh dapat dilihat pada bahagian lampiran III.

Dengan keberadaan Aceh yang memiliki banyak kawasan pergunungan dan diliputi oleh lautan. Pemerintah menetapkan wilayah Aceh sebagai salah satu kawasan pelancongan yang menarik. Di sini pengkaji dapat menyebutkan beberapa tempat yang menarik, antaranya:<sup>17</sup> Di Sabang: Pulau Rubiah, Pulau Teluk Sabang, Danau Aneuk Laot, Hutan Wisata Iboh, Pantai Kasih, Tugu Km nol, Anoi Itam. Aceh Besar: Pantai Lhok Nga, Pantai Lampuuk, Pantai Ujung Batee, Benteng Indra Patra, Benteng Iskandar Muda, Air Terjun Teuhon, Ie Seum. Kawasan Pidie: Gua Tujuh, Tempat Pemandian Jiem-Jiem dan Kembang Tanjong, Masjid Guci Keuramat.

---

<sup>14</sup> *Ibid.*

<sup>15</sup> *Ibid.* Lihat juga, Arifin Syawal (2001), *Peta Nanggrou Aceh*.

<sup>16</sup> *Ibid.*

<sup>17</sup> Lihat, Buku *Indonesia-Aceh* (t.t), *op.cit.*, h. 33.

Tempat pelancongan di Aceh Utara: Betee Ilik, Pantai Ujung Blang, Pantai Ujung Blang Kulam, Pusat Kerajaan Samudera Pasee. Aceh Timur: Pantai Kuala Beukah, Pantai Idi, Pantai Telaga Tujouh, Benteng Krueng. Aceh Tengah: Danau Laut Tawar, Tempat Pemandian Air panas, Burni Bius, Air Terjun Tangsera, Gua Alam Loyang Sangeda, Loyang Karo, Loyang Datu, Taman Buru Linge Isak.<sup>18</sup>

Aceh Tenggara: Danau Blang Lopah, Lawe Gurah, Gunung Leuser. Aceh Barat: Gunung Gurutee, Pantai Patek, Teluk Rigah. Aceh Selatan: Air Terjun Batee Sungai, Tuwi Lhok, Tingkat Tujuh, Pantai Kuala Batee, Batu Belayar, Kuala Bak Ue, Danau Laot Bangko dan Gua Kulam.<sup>19</sup>

### 2.3. Iklim

Suasana iklim wilayah Aceh secara keseluruhan adalah beriklim tropika. Musim kemarau pada setiap tahun diperkirakan akan jatuh antara bulan Mac hingga bulan Ogos. Dan musim hujan dianggarkan jatuh antara bulan September hingga bulan Februari.<sup>20</sup> Adapun kawasan pesisir wilayah Aceh berhawa panas. Sedangkan kawasan pedalaman berhawa dingin atau sejuk. Suhu cuaca pada darjah maksimum rata-rata mencapai  $30^{\circ}$ - $33^{\circ}$ . Suhu udara pada had minimum rata-rata antara  $23^{\circ}$ - $25^{\circ}$ . Kelembapan cuaca nisbi terjadi antara  $65^{\circ}$ - $75^{\circ}$ .<sup>21</sup>

---

<sup>18</sup> *Ibid.*

<sup>19</sup> *Ibid.*

<sup>20</sup> *Ibid.*, h. 13.

<sup>21</sup> *Ibid.*, h. 14.

## **2.4. Populasi**

Jumlah angka penduduk Aceh berdasarkan kepada laporan hasil bancian terbaru iaitu bancian tahun 2000 berjumlah 4.142.120 orang.<sup>22</sup> Untuk lebih jelas lagi tentang jumlah penduduk Aceh mengikut jantina, pengkaji lampirkan jadual bancian penduduk berdasarkan laporan Badan Statistik Aceh.<sup>23</sup>

## **2.5. Bahasa**

Bahasa merupakan alat komunikasi antara sesama individu. Bahasa juga adalah identiti suatu bangsa. Apabila suatu bangsa tidak memiliki bahasa bermakna ia tidak mencukupi syarat bagi menjadi komuniti suatu bangsa. Dikatakan bangsa Arab kerana bahasa mereka adalah bahasa Arab. Begitu juga dengan bahasa Melayu menunjukkan ia adalah seorang Melayu. Sebab itu bahasa Melayu disebut bahasa ibunda bangsa Melayu.

Adapun bahasa ibunda orang Aceh ialah bahasa Aceh. Dialeknya banyak dipengaruhi oleh bahasa Mon Khmer dari Campa, Indo Cina. Sebagai mana ia dipengaruhi oleh campuran bahasa Melayu tua.<sup>24</sup> Namun begitu di Aceh dijumpai bahasa dengan dialek yang sangat berbeza antara satu dengan yang lain. Seseorang yang tinggal dalam satu daerah ia tidak dapat berkomunikasi langsung

---

<sup>22</sup> *Aceh Dalam Angka* (2001), BPS Prov NAD., h. 29. Lihat juga, *Karakteristik Penduduk Nanggrou Aceh Darussalam Hasil Sensus Penduduk 2000*. BPS (Badan Pusat Statistik) Propinsi Nanggrou Aceh Darussalam, h. 9; *Laporan Hasil Sensus Penduduk 2000* (SP 2000) Propinsi Daerah Istimewa Aceh, BPS Aceh, h. 9.

<sup>23</sup> Lihat Lampiran IV.

<sup>24</sup> Muhammad Said (1961), *Atjeh Sepandjang Abad*. Medan: Terbitan Waspada, h. 12-24. Lihat juga, Zainuddin (1961), *Tarich Atjeh Dan Nusantara*, h. 32-33.

dengan orang daerah lain. Menurut buku *Indonesia-Aceh*, sekurang-kurangnya terdapat empat dialek bahasa di Aceh.<sup>25</sup> Pertama dialek bahasa Minangkabau. Ini banyak dijumpai di daerah Aceh Barat dan Aceh Selatan. Orang Aceh menyebutnya sebagai bahasa *aneuk Jame*.

Kedua dialek Melayu Deli. Ia digunakan oleh kebanyakan masyarakat yang tinggal di kawasan Kuala Simpang Aceh Timur. Dalam istilah masyarakat Aceh disebut bahasa *ureung Teuming*. Ketiga dialek Gayo Alas. Dialet ini terdapat di kawasan Takengon, Aceh Tengah dan juga Aceh Tenggara. Di Aceh dikenal dengan *bahasa Gayo*. Keempat ialah dialek bahasa Aceh sendiri. Iaitu bahasa yang digunakan hampir seluruh Aceh. Majoritinya terdapat di Aceh Utara, Aceh Timur, Aceh Pidie, Banda Aceh dan lain-lain daerah.

Kesemua bahasa tersebut telah sejak turun temurun sampai ke hari ini masih digunakan oleh masyarakat setempat. Secara rasminya bahasa yang digunakan di Aceh sejak dari kerajaan Pasai hingga ke masa kerajaan Aceh Darussalam ialah bahasa *Melayu Pasee* (Pasai) dan bahasa Aceh.<sup>26</sup> Itulah yang menjadi bahasa rasmi kerajaan Aceh. Bentuk tulisan yang digunakan ialah dalam huruf jawi dan juga huruf latin. Bentuk jawi banyak dijumpai dalam kitab-kitab peninggalan ulama' dahulu. Seperti Syeikh Abdur Rauf, Nuruddin Al-Raniry, Hamzah al-Fansuri.<sup>27</sup>

<sup>25</sup> Buku *Indonesia-Aceh* (t.t), *op.cit.*, h. 13.

<sup>26</sup> Zainuddin (1961), *op.cit.*

<sup>27</sup> Wan Mohd Shaghir Abdullah (1996), *Tafsir Puisi Hamzah Fansuri dan Karya-karya Shufi*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniah, h. 8 Lihat juga, Abdur Rauf Ali al-Fansuri al-Jawi (1901), *Turjumanul Mustafid*. Kairo: Mustafa al-Babi al-Halabi.

Contoh tulisan ejaan bahasa Aceh dalam huruf latin menurut ejaan lama dan terjemahan ke dalam bahasa Melayu, seperti berikut:<sup>28</sup>

### Bahasa Aceh

*Di Atjeh na Alam Peudeueng  
Tjap Sikureueung lam djaroe Draja  
Phon di Atjeh troih u Pahang  
Tan soe teuntang Iskandar Muda*

*Bangsa Poetugeh angkatan meugah  
Abeh geupinah di Atjeh raja  
U Melaka keudeh di pioh  
Keunan pih troh geupitjrok teuma*

*Iskandar Sani duk geunantoe  
Lakoe putroe Tadjul mulia  
Kota Melaka teuma geu engkhoe  
Peutugeeh diwoe keudeh u Gua*

### Bahasa Melayu

*Di Atjeh ada bendera pedang  
Tjap sembilan di tangan Raja  
Dari Atjeh sampai ke Pahang  
Tiada yang tentang Iskandar Muda*

*Bangsa Portugis angkatan megah  
Habis di pindah di Atjeh raya  
Ke Melaka mereka berteduh  
Di kejar terus sampai ke sana*

*Iskandar Sani yang mengganti  
Suami putri Tajul mulia  
Kota Melaka digempuri  
Portugis lari balik ke Goa*

Setelah Aceh berada dalam wilayah Republik Indonesia yang menjadi bahasa rasmi digunakan dalam pemerintahan di Aceh ialah bahasa Indonesia. Ia merupakan asal dari bahasa Melayu Pasai dahulu. Adapun bahasa Aceh hanya digunakan dalam mu' amalah harian rakyat di seluruh Aceh.

---

<sup>28</sup> Zainuddin (1961), *Tarick Atjeh Dan Nusantara*, h. 1.

## 2.6. Agama

Dapat dikatakan bahwa semua rakyat Aceh beragama Islam 100 %. Apabila terjumpa dengan orang Aceh, tidak perlu lagi ditanyakan apakah kamu Islam atau bukan? Islam dengan masyarakat Aceh tidak dapat dipisahkan. Ini sangat erat kaitannya dengan sejarah mula-mula kedatangan Islam yang terus bertapak di bumi Aceh. Pengislaman rakyat Aceh sudah bermula semenjak masa kerajaan Perlak di Aceh Timur hingga ke Kerajaan Aceh Darussalam. Sebagai sebuah negara Islam, Aceh telah dapat diislamkan seratus peratus.

Apabila hari ini dijumpai orang yang bukan beragama Islam di Aceh, bermakna ia agama yang di bawa masuk oleh pendatang asing yang datang dari luar Aceh, seperti dari China, Jawa dan dari berbagai-bagai tempat yang lain. Yang keseluruhannya tidak melebihi dari pada 4 %.<sup>29</sup>

Adanya agama selain Islam di Aceh ialah setelah bergabung dengan Indonesia, di mana Indonesia menerapkan sistem transmigrasi<sup>30</sup> dari luar Aceh ke daerah Aceh Serambi Mekkah. Agama Hindu atau Budha kebanyakan dibawa masuk oleh orang-orang yang bukan beragama Islam dari Indonesia. Berangkat atas dasar fenomena keislaman tersebut sehingga ia diberi gelaran Serambi Mekkah.<sup>31</sup>

<sup>29</sup>Buku *Indonesia-Aceh* (t.t), *op.cit.*, h.11.

<sup>30</sup> Transmigrasi ialah program perpindahan penduduk dari daerah yang padat ke daerah lain.

<sup>31</sup> *Ibid.*, h.13. Lihat juga, HAMKA (Edisi Baru), *Sejarah Umat Islam*. Singapura. Pte. Ltd., h. 796. Abdullah Ishak (1990), *Islam Di Nusantara: Khususnya Di Tanah Melayu.*, h.118. A. Hasyimi (1993), *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*. Bandung: PT. Al-Ma'arif, h. 221.

Untuk lebih jelas pengkaji sertakan lampirkan jadual jumlah penduduk mengikut agama, wilayah, lelaki, perempuan, kota dan desa.<sup>32</sup> Selain itu, pengkaji lampirkan juga jadual yang menjelaskan jumlah peratus pemeluk agama di Aceh mengikut laporan Badan Statistik Propinsi Aceh Darussalam. Diikuti dengan jumlah tempat Ibadah mengikut jenis Agama menurut hasil laporan Depattement Agama di Aceh.<sup>33</sup>

## 2.7. Kebudayaan Dan Adat Istiadat

Adat dan kebudayaan merupakan tindakbalas dari nilai-nilai sebuah masyarakat samada keagamaan, kepercayaan maupun kebiasaan. Sebagai makhluk sosial di muka bumi, setiap orang perlu memiliki adat dan kebudayaan tak kecuali masyarakat Aceh. Muhammad Hakim Nyak Pha dalam makalahnya *Adat Melayu Aceh* mengatakan:<sup>34</sup>

*”Salah satu jati diri orang Aceh adalah adat dan budayanya, kerana adat dan budaya inilah yang menjadi ciri khas keacehan orang Aceh. Oleh kerana itu boleh saja seseorang berdasarkan garis keturunannya adalah orang Aceh, namun tanpa diwarnai oleh adat dan budaya Aceh dalam kehidupan sehariannya, maka keacehan orang ini menjadi kabur”.*

Secara amnya Aceh memiliki nilai kebudayaan yang tinggi. Hampir kesemua aspek kehidupan harian masyarakat diwarnai dengan ajaran Islam. Ini seperti mana yang diakui oleh Budayawan tempatan dan luar negeri bahawa kebudayaan Aceh adalah kebudayaan yang Islami. Meskipun demikian unsur

---

<sup>32</sup> Lihat Lampiran V.

<sup>33</sup> Lihat Lampiran VI-VII.

<sup>34</sup> Muhammad Hakim Nyak Pha (2001), “Adat Melayu Aceh” dalam Abdul Latif Abu Bakar (2001), *Adat Melayu Serumpun: Adat Bersendi Syarak, Syarak Bersendi Kitabullah.*, kerjasama Kerajaan Negeri Melaka, Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 340.

Hindu yang lebih awal dari Islam bertapak di Aceh masih kelihatan dalam kehidupan rakyat Aceh.

Kesusasteraan Aceh samada dalam bahasa Aceh mahupun dalam bahasa Jawi mewarisi kesusasteraan Islam Melayu. Seperti dijumpai dalam hikayat-hikayat peninggalan ulama'-ulama' dahulu seperti Hikayat-Raja-raja Pasai, Syair Hamzah al-Fansuri, dan dalam aspek kesenian pula, Aceh mempunyai banyak jenis dan ragam kesenian. Antara yang termasuk popular di Aceh ialah: Seudati, Lawet Pho Meusekat, Ula-ula Lembing, Rapai Geleng, Saman Lokop. Jenis seni muzik seperti Rapai, Surunei Kale, Rabana, Top Daboh<sup>35</sup> dan lain-lain.

Pakaian sehari-hari di Aceh sesuai dengan prinsip Islam.<sup>36</sup> Kalau wanita diwajibkan menutup aurat atau pakaian muslimah seperti yang ada di Semenanjung Malaysia hari ini. Namun begitu pengaruh Barat moden telah mulai mempengaruhi remaja di Aceh. Budaya menyambut hari-hari besar Islam sangat mewarnai masyarakat seluruh Aceh. Pada hari jumaat semua kedai-kedai perniagaan ditutup seperti pada bulan Ramadhan.<sup>37</sup> Begitu juga dengan aktiviti pemerintahan pada hari itu tidak menjalankan operasinya, guna menghormati hari mulia tersebut.

Tata kehidupan dan etika harian di Aceh, memberi dan menerima sesuatu mesti dilakukan dengan tangan kanan. Apabila seseorang melakukan dengan

---

<sup>35</sup> Buku *Indonesia-Aceh* (t.t), *op.cit.*, h 31

<sup>36</sup> *Ibid.*, h. 29.

<sup>37</sup> *Ibid.*

tangan kiri dianggap tidak islami.<sup>38</sup> Fenomena seperti ini telah berakar umbi sejak zaman kerajaan Aceh hingga sekarang masih diamalkan dan terpelihara dengan baik. Adapun yang dimaksud dengan istilah adat ialah suatu kebiasaan atau tradisi. Kebiasaan dan tradisi masyarakat di Aceh disebut adat Aceh. Dalam bahasa Aceh terdapat pepatah yang mencerminkan begitu kentalnya adat istiadat di Aceh.<sup>39</sup>

*Adat bak Po Temeurehom  
Hukum bak Syiah Kuala  
Kanun bak putro Phang  
Reusam bak Bentara  
Hukum ngen adat lage zat ngen sifet*

Ungkapan ini merupakan pedoman asas bagi hukum adat istiadat di Aceh. Ia mengandungi penjelasan makna seperti berikut: Yang dimaksud dengan *adat* di sini ialah peraturan-peraturan kenegaraan yang bersumberkan daripada Sultan dan penasihatnya. Dalam hal ini disimbolkan dengan Sultan Iskandar Muda.<sup>40</sup> *Hukum* ertinya peraturan-peraturan agama Islam yang merupakan bidang kuasa para ulama' di Aceh. Dalam hal ini diletakkan pada Syeikh Abdur Rauf, seorang ulama' besar yang terkenal sebagai Tengku Syiah Kuala.<sup>41</sup>

*Kanun* adalah tata tertib serta adab dan sopan santun. Ia lebih banyak dijumpai menyangkut dengan adat istiadat perkahwinan. Hal ini menjadi bidang kuasa dan keputusan Maharani iaitu *Putro Phang* (Puteri Pahang) Permaisuri Sultan Iskandar Muda. *Resam* adalah suatu kebiasaan tempatan. Ia menjadi bidang

---

<sup>38</sup> *Ibid.*

<sup>39</sup> *Ibid.* Lihat juga, Zainuddin (1961), *Tarich Atjeh Dan Nusantara*, h 313.

<sup>40</sup> Buku *Indonesia-Aceh* (t.t), *op.cit.*

<sup>41</sup> *Ibid.*

kuasa Panglima kaum dan Bentara di masing-masing negeri. Ungkapan “*hukum ngen adat lage zat ngen sifeut*”, mempunyai makna bahawa hukum dengan adat berjalin erat seperti zat dengan sifat.<sup>42</sup>

Menyangkut dengan hal menjaga adat agar ia tidak hilang dapat digambarkan dengan satu lagi ungkapan yang menjadi pedoman asas dalam mempertahankan adat istiadat. Ungkapan tersebut seperti berikut: “*Mate Aneuk Meupat Jrat, Mate Adat Hana Pat Mita*”. Dapat diertikan bahawa apabila seseorang hilang anak namun ia akan dapat dijumpai kuburannya. Tetapi apabila adat istiadat hilang tak dapat di jumpai semula. Di sini menunjukkan bahawa adat dalam masyarakat Aceh sangat kental, kadang-kadang mereka rela hilang anak kesayangannya daripada kehilangan adatnya.

Walaupun demikian tidak semua adat istiadat berjalan sampai ke hari ini. Namun di sini pengkaji menyebutkan beberapa adat istiadat yang penting yang masih dijumpai terpelihara dengan baik di Aceh. Antaranya:<sup>43</sup>

---

<sup>42</sup> *Ibid.*

<sup>43</sup> Zainuddin (1961), *op.cit.*, h. 340.

## i. Hukum Adat Perkahwinan

### a. Melihat *fhai*<sup>44</sup>

Seseorang yang ingin mencari jodoh kepada anaknya, yang mula dilakukan ialah melihat *fhai* (bintang). Di panggil orang 'alim dalam bidang itu untuk melihat apakah bintang perjodohan mereka baik atau tidak. Jika ia sesuai dengan harapannya maka diserahkan kepada yang dituakan yang disebut sebagai *Seulangke*,<sup>45</sup> untuk memberi tahu pada ayah gadis berkenaan.

### b. Meminang

Apabila hasrat itu diterima oleh pihak perempuan, maka dibuatlah majlis persiapan untuk meminang gadis tadi untuk calon menantunya. Persiapan ini disebut sebagai muqaddimah pertunangan. Adat meminang seperti ini lebih banyak persamaan dengan adat perkahwinan yang ada di alam Melayu.

### c. Ba Ranup<sup>46</sup>

Acara *Ba Ranup* (Sirih) atau *Ranup Peukeng Haba* (Sirih Penguat) ialah untuk mengikat tali pertunangan kedua-dua bakal calon pengantin. Dalam acara

<sup>44</sup> Teori melihat *Fhai* atau bintang ialah suatu teori ramalan yang diamalkan oleh sebahagian orang di Aceh, dengan cara dijumlahkan huruf nama, tarikh dan juga nama ibu orang berkenaan.

<sup>45</sup> Istilah *Seulangke* dapat diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu bermakna Telangkai. Ia terdiri dari salah seorang yang dituakan dalam masyarakat yang menjadi sebagai penengah dalam adat dan tradisi perkahwinan.

<sup>46</sup> Yang dimaksud dengan *Ba Ranup* ialah amalan tradisi dengan membawa sirih yang telah dihias rapi lalu dibungkus dalam tempat khas, sebagai menguatkan lagi tali pertunangan kedua mempelai.

tersebut dibawakan berupa cincin atau lainnya sebagai tanda telah dipinang, dan pada hari itu menerusi telangkai ditentukan kadar mahar anak gadisnya.

d. *Malam Peu Ek Linto*<sup>47</sup>

Majlis ini disebut dengan malam persandingan kedua-dua calon pengantin. Ia biasanya diadakan setelah musim menuai dan ditentukan bulan, seperti bulan Rabiul Awal, Rabiul Akhir, Sya'ban, Syawal, Zulhijjah. Selain itu, acara persandingan ini pula terdapat adat pantang larangnya iaitu tidak boleh diadakan pada bulan Safar, dan bulan Ramadhan.

e. *Meukerija*<sup>48</sup>

Acara *Meukerija* merupakan suatu tradisi di Aceh. Ia disiapkan empat hari atau lebih sebelum hari perasmian perkahwinan. Acara ini juga disebut sebagai acara *Preh Dara Baro* dari pihak perempuan, dan acara *Toung Linto Baro* bagi pihak lelaki.<sup>49</sup> Majlis ini disambut dengan bacaan salawat pada saat ketibaan pengantin.

---

<sup>47</sup> Malam *Peu ek Linto* ialah malam persandingan. *Linto* dalam bahasa Melayu ialah pengantin lelaki. Yang dimaksudkan di sini ialah malam pengantin disatukan di atas pelaminan.

<sup>48</sup> *Meukerija* berasal dari ungkapan *keurija* ertiinya kerja. Yang dimaksud di sini ialah mengadakan suatu majlis kenduri. Dalam tradisi masyarakat Aceh ia ada dua jenis. Pertama *keureja udep* iaitu majlis kenduri semasa hidup, maksudnya majlis kenduri perkahwinan. Kedua *keurija mate* ialah majlis kenduri mati.

<sup>49</sup> *Preh Dara baro*. Preh bermakna menyambut. *Dara baro* ialah mempelai perempuan. *Tung Linto baro*. Tung juga bermakna menyambut. *Linto baro* ertiinya mempelai lelaki.

*f. Tjawan Pingan*<sup>50</sup>

Biasanya ia dilakukan setelah selesai acara perkahwinan. Adat ini ialah adat untuk menjemput *Dara Baro* dibawa ke rumah *Linto Baro*. Istilah *Cawan Pingan* ini ialah kerana pihak lelaki membawa bungkus yang dibungkus dalam sebuah pinggan yang telah diisikan dengan sirih dibawa ke rumah perempuan.

*g. Daging Hari Raya*

Dalam masyarakat Aceh keseluruhannya mempunyai suatu adat yang dikenali sebagai hari *ma'meugang*. Pada hari itu diadakan sembelihan lembu untuk menyambut bulan puasa dan hari raya. Pada hari *Makmeugang*<sup>51</sup> pihak pengantin lelaki mesti membeli daging *megang* yang bagus untuk dibawa pulang ke rumah mertuanya pada hari itu juga. Ini masih diamalkan sampai ke hari ini.

*h. Keumaweh*

Setelah beberapa bulan kemudian, apabila pengantin perempuan sudah hamil pertama, maka diadakan acara *Keumaweh*.<sup>52</sup> Iaitu mertua dari kedua belah

<sup>50</sup> *Tjawan* ertiannya mangkok. *Pingan* dalam bahasa Melayu disebut pinggan. Yang dimakud di sini iaitu sejenis pinggan mangkok yang telah dibungkus untuk dibawa ke rumah pengantin perempuan sebagai adat bagi membolehkan ia dibawa ke rumah pengantin lelaki pada pagi hari pertama, dan akan dibawa balik lagi bila malam kedua menjelang tiba.

<sup>51</sup> Istilah *m'amegang* atau *megang* ialah acara sembelih lembu yang diadakan setiap tahun bagi menyambut tibanya bulan Ramadhan, hari raya Idul Fitri dan juga hari raya Idul Adha. Ia diadakan di seluruh Aceh secara khas iaitu sehari sebelum masuk Ramadhan dan sehari menjelang hari raya. Hari itu disebut hari *megang*.

<sup>52</sup> *Keumaweh* atau *Peusujuk loung* ialah dua ungkapan kinayah dalam bahasa Aceh bagi acara tepung tawar bagi pengantin yang hamil anak pertama.

pihak mengadakan acara *Peusijuk Loung* atau dikenali sebagai acara tepung tawar atas kehamilan sang *Dara baro*.

*j. Madeung*

Istilah *Madeung*<sup>53</sup> atau bersalai di atas api diamalkan setelah isteri bersalin. Suami menyediakan kayu bakar dan sebentuk katil tempat disalai. Tujuannya ialah untuk memulihkan kesihatan wanita yang baru bersalin. Setelah bayi dilahirkan dia diazan atau qamat oleh ayahnya. Semua biaya *Madueng* anak pertama menjadi tanggung jawab pihak mertuanya.

*k. Pemeukleh*

Setelah anak gadisnya bersalin untuk anak pertama beberapa bulan kemudian diadakan amalan *Pemeukleh*.<sup>54</sup> Iaitu dipisahkan dari keluarga dengan dihibahkan berupa sebahagian dari rumah, kebun, bendang kepada anaknya. Acara ini biasanya dengan memanggil ketua kampung dan lebai dan diadakan sedikit majlis kenduri serta do'a bagi kesejahteraan anak mereka.

<sup>53</sup> *Madeung* ertiinya bersalai di atas salai api. Amalan ini diamalkan oleh orang-orang kampung. Ia kadang-kadang diamalkan sampai habis masa nifas. Ada juga dalam tempoh lima belas hari sahaja. Dan ada yang hanya satu minggu.

<sup>54</sup> *Peumekleh* artinya pisah atau memisahkan. Yang dimaksud di sini ialah memisahkan anak agar ia dapat hidup berdikari sendiri, sekaligus dihibahkan berupa rumah atau tanah untuk masa depan mereka.

### *I. Adat Peusunat Anek*

Apabila anak lelaki sudah berusia tujuh atau delapan tahun, maka dia wajib dikhatan. Untuk itu diadakan lagi satu majlis kenduri yang dalam adat masyarakat Aceh dikenali sebagai acara *Peusunat Aneuk*.<sup>55</sup>

#### **ii. Hukum Adat Ibadat dan Sosial**

##### *a. Kenduri Maulid*<sup>56</sup>

Hari menyambut keputeraan Nabi besar Muhammad s.a.w pada 12 Rabiul Awal disambut dengan acara kenduri Maulid di seluruh Aceh. Majlis Maulidul Rasul ini diadakan mulai dari peringkat desa hingga ke peringkat negeri. Penduduk yang membawa hidangan mesti sampai kira-kira pukul 12 tengah hari. Tempatnya di meunasah,<sup>57</sup> surau dan masjid-masjid. Sebelum dijamukan makan bersama-sama ia diisi dengan bacaan Berzanji, Zikir Maulid dan do'a.

##### *b. Kenduri Isra Mi'raj*<sup>58</sup>

Setiap 27 hari bulan Rajab menjelang tiba, acara menyambut hari bersejarah ini diadakan di madrasah-madrasah, meunasah, masjid dengan

---

<sup>55</sup> *Peusunat aneuk* ialah khatan atau sunatan. Ia diadakan suatu majlis khusus yang kebiasaanya bagi sunatan anak sulung. Pada hari ini kebanyakan sunatan itu dilakukan di hospital.

<sup>56</sup> *Khenduri maulid* maksudnya majlis kenduri maulidul rasul. Tradisi ini masih sangat meriah sampai ke hari ini di seluruh pelosok Aceh. Bulan itu dalam bahasa Aceh disebut dengan *bu'leun moulid*. Ertinya bulan Maulid.

<sup>57</sup> *Meunasah* di Aceh dikenali sebagai Surau. Ia berasal dari kata Arab Madrasah (tempat belajar). Akhirnya berubah menjadi kalimat Meunasah dalam ejaan masyarakat Aceh

<sup>58</sup> *Khenduri Isra Mi'raj* asal kata daripada Kenduri. Ia merupakan satu tradisi keagamaan yang meriah di Aceh sama seperti majlis kenduri menyambut keputraan Nabi s.a.w.

membaca Quran dan do'a serta dirangi dengan ceramah yang disampaikan oleh penceramah jemputan bagi menyampaikan kisah peristiwa Isra' dan Miraj Nabi Muhammad s.a.w.

c. *Kenduri Blang*<sup>59</sup>

Amalan ini diadakan apabila sudah dekat dengan waktu turun ke sawah atau bendang. Seluruh isi kampung akan membawa nasi yang telah dibungkus ke tempat yang akan diadakan kenduri seperti meunasah dan lain-lain tempat. Pada tempat itu disembelih kambing atau lembu yang dibeli dengan wang yang dikumpulkan dari ahli kampung mengikut kemampuan masing-masing secara derma ikhlas. Setelah selesai do'a bersama, barulah diteruskan dengan makan bersama dengan para tamu-tamu dari kampung tetangga yang berdekatan.

## 2.8. Ekonomi Dan Sosial

Nilai sosial dalam kehidupan harian rakyat Aceh cukup tinggi. Rasa keacehan dalam setiap individu rakyat cukup kuat. Sehingga terdengar bahawa rakyat Aceh memiliki rasa *asabiah*. Tetapi apabila dilihat dari latar belakang masyarakat Aceh dalam sejarah tidak mewarisi nilai *asabiah* tetapi yang ditunjukkan adalah rasa cinta tanah air. Pendatang yang datang ke Aceh disambut dan dihormati dengan penuh rasa ukhwah. Sikap menghormati tamu telah terbukti dalam lembaran sejarah, di mana bukan hanya untuk menjadi rakyat Aceh bahkan untuk menjadi pemimpin pun diterima. Sultan Iskandar Thani yang menjadi

<sup>59</sup> *Khanduri Blang* ertiya kenduri. *Blang* ertiya bendang atau sawah. Amalan ini diadakan sempena untuk memulakan musim turun ke sawah pada setiap tahunnya.

Sultan Aceh pengganti Baginda Sultan Iskandar Muda berasal dari Semanung Tanah Melayu iaitu Pahang.

Adapun dari sudut ekonomi rakyat Aceh sampai sekarang masih dalam kondisi memprihatinkan. Hubungan antara satu daerah dengan daerah lain masih terkendala dengan belum adanya pembangunan jalan yang menghubungkan daerah Timur dan Barat. Di Aceh pada hari ini terdapat banyak industri yang menjadi penghasilan terbesar kepada Indonesia. Antara industri-industri terbesar di Aceh adalah berupa syarikat-syarikat raksasa, seperti:<sup>60</sup>

1. Syarikat Pupuk ASEAN (P.T. ASEAN)<sup>61</sup> di Aceh Utara.
2. Syarikat Pupuk Iskandar Muda (P.T. PIM) di Aceh Utara.
3. Syarikat Gas Alam (P.T. Arun LNG)<sup>62</sup> di Aceh Utara.
4. Syarikat Semen Andalas (P.T. Andalas) di Aceh Besar.
5. Syarikat Kertas Kraf Aceh (P.T. AAF)<sup>63</sup> di Aceh Utara.
6. Syarikat Mobil Oil di Aceh Utara.
7. Industri Nilam di Aceh Barat.

Meskipun kekayaan alam di Aceh melimpah namun rakyat Aceh merupakan rakyat paling miskin di Indonesia setelah Jawa Tengah. Bahkan desa termiskin terbanyak ialah di kawasan perindustrian besar Aceh Utara. Di kilang-kilang Minyak dan Gas putera Aceh hanya menjadi penonton. Sedangkan yang

---

<sup>60</sup> Arifin Syawal (2000), *Peta Nanggrou Aceh*.

<sup>61</sup> Syarikat Pupuk maksudnya Syarikat Baja. Syarikat Pupuk Asean ini sahamnya dimiliki oleh negara-negara Asean.

<sup>62</sup> Syarikat Gas Alam LNG ini sebuah Syarikat Gas milik Amerika bekerjasama dengan Indonesia.

<sup>63</sup> Syarikat Kertas Kraf Aceh adalah salah satu Syarikat Kertas Raksasa di Aceh. Majoriti sahamnya dipegang oleh Indonesia, selebihnya dimiliki oleh Malaysia, Filipina, dan Thailand.

untung ialah pendatang yang kebanyakannya berasal dari pulau Jawa dan daerah-daerah lain di luar Aceh.

Kondisi ekonomi rakyat masih sangat tertinggal dan jauh dari kemajuan. Pemerintah pada hari ini sedang mengusahakan lapangan kerja bagi mengatasi masalah pengangguran yang semakin meningkat. Padahal realitinya di daerah Aceh sektor industri seperti syarikat, kilang-kilang besar mampu memberikan pekerjaan kepada mereka dan tidak akan terjadi pengangguran yang begitu besar.

Tetapi disebabkan diskriminasi yang dilakukan oleh Indonesia terhadap rakyat Aceh, misalnya membiarkan rakyat Aceh hanya menjadi penonton di bumi sendiri, putera-puteri Aceh tidak ada peluang pekerjaan di syarikat-syarikat dan kilang-kilang raksasa, dan mengutamakan orang luar Aceh. Malah hampir 90% pekerja didatangkan dari luar Aceh yang kebanyakannya dari pulau Jawa. Sehingga masalah sosial dan ekonomi rakyat Aceh untuk saat ini sukar untuk diatasi.

## **2.9. Politik Dan Pemerintahan**

Situasi politik di Aceh segera berubah dengan begitu ketara dengan tertangkapnya Sultan Aceh yang terakhir iaitu Sultan Muhammad Daud Syah II oleh pihak Belanda, kerana baginda tidak mau menyerahkan kedaulatan kepada penjajah, akhirnya baginda meninggal dunia dalam buangan di Jakarta pada tahun 1939.<sup>64</sup> Sejak itulah kuasa politik dan pemerintahan kerajaan Aceh tidak berjalan sebagai mana pada masa kerajaan Aceh Darussalam.

---

<sup>64</sup> A. Hasyimy (1978), *Sejarah Pemerintahan Selama Berdiri Kerajaan-kerajaan Islam di Aceh*, dalam Sinar Darussalam, Banda Aceh, h. 444.

Dari tahun 1939-1945 kuasa politik dan pemerintahan di Aceh dipegang oleh para ulama'. Ketika itu kolonialis Belanda masih menguasai hampir semua kepulauan Indonesia. Pada tahun 1945 Sukarno datang ke Aceh atas nama bangsa Indonesia.<sup>65</sup> Beliau disambut oleh Tengku Muhammad Daud Bereu-eh selaku pemegang kuasa politik dan pemerintahan di Aceh ketika itu. Dengan tangisan air mata dia meminta kepada rakyat Aceh agar dapat membantu Indonesia mencapai kemerdekaannya.

Pemimpin Aceh bersetuju membantu Indonesia tetapi dengan syarat Sukarno harus berjanji bahawa dia akan menjadikan Indonesia sebuah negara Islam yang besar apabila merdeka nanti. Rakyat Aceh bukan hanya berperang membantu Indonesia tapi juga menghadiahkan dua buah pesawat terbang kepada Indonesia iaitu *Seulawah 001* dan *Seulawah 002*, dan ia merupakan pesawat pertama republik Indonesia hadiah daripada rakyat Aceh. Namun Indonesia ingkar janji, sehingga pada 21 hari bulan September 1953 meletus pemberontakan untuk menuntut kembali kedaulatan Aceh sebagai sebuah negara.<sup>66</sup>

Untuk menjawab tuntutan tersebut Indonesia mengakui hak rakyat Aceh dengan memberi Aceh status sebagai "Daerah Modal", berdasarkan Undang-undang No. 25 Tahun 1956.<sup>67</sup> Tapi ia hanya dalam bentuk sebuah propinsi sahaja. Ini merupakan bentuk otonomi kali pertama buat Aceh. Namun demikian keadaan

<sup>65</sup> M.Nur El Ibrahimy (2001), *Peranan Tgk. M. Daud Beureu-eh dalam Pergolakan Aceh*. Jakarta: Media Dakwah, h. 77. Dinas P&K Prop. D.I Aceh (1985), *Sejarah Perjuangan Rakyat Aceh-Dalam Perang Kemerdekaan 1945-1949*. Banda Aceh: Dinas P&K, h. 283-284.

<sup>66</sup> Ibrahimy (2001), *Peranan Tgk. Daud Beureu-eh dalam pergolakan Aceh*, h. 1. Lihat juga, Buku *Indonesia-Aceh* (t.t), *op.cit.*, h. 17. Hardi, SH (1993), *Daerah Istimewa Aceh-Latar Belakang Politik Dan Masa Depannya*. Jakarta: P.T Karya Unipress, h. 110.

<sup>67</sup> Hardi (1993), *op.cit.*, h. 111. Lihat juga, Dinas P&K (1985), *op.cit.*, h 285.

tidak stabil kerana rakyat Aceh sudah tidak percaya lagi kepada Indonesia. Perlawanan dilanjutkan dengan lebih agresif. Ketika itu dengan tekat mendirikan sebuah Republik Islam Aceh (RIA).

Menanggapi keadaan ini Indonesia sekali lagi cuba memberikan bentuk otonomi yang lebih luas. Iaitu dengan keluarnya keputusan Perdana Menteri Republik Indonesia No.1/Missi/1959, yang menyatakan bahawa sejak 16 Mei 1959 Aceh disebut dengan status “*Daerah Istimewa Aceh*”.<sup>68</sup> Ini bentuk otonomi kali kedua buat Aceh.

Kondisi politik antara Aceh dan Jakarta tetap tidak stabil. Untuk itu, Indonesia kini menempuh usaha rundingan damai dengan Aceh. Akhirnya Tengku Muhammad Daud Bereu-eh menyerah pada tahun 1962. Ini pergolakan pada tahap pertama di Aceh. Tahap kedua bangkit kembali apabila Dr. Hasan Muhammad di Tiro telah mendeklarasikan kemerdekaan Aceh pada 4 Disember 1976, di gunung Halimun, kabupaten Aceh Pidie. Situasi politik dan keamanan di Aceh kembali bergolak. Untuk menghadapi tuntutan rakyat Aceh, Indonesia buat kali ketiga menawarkan otonomi khusus kepada Aceh melalui Undang-undang Otonomi Daerah No.18 tahun 2001, dengan menetapkan Aceh sebagai propinsi Nanggrou<sup>69</sup> Aceh Darussalam.

Dapat dibuat kesimpulan bahawa Indonesia telah memberikan bentuk otonomi kepada Aceh tiga kali berturut-turut. Dalam kontek politik dapat dipersoalkan kenapa antara Aceh dan Jakarta masih tetap tidak dapat diselesaikan.

---

<sup>68</sup> Buku *Indonesia-Aceh* (t.t), h. 17. Lihat juga, Hardi (1993), *op.cit.*, h. 177-178.

<sup>69</sup> Nanggrou bermaksud negeri atau negara.

Secara realitinya dapat dijawab bahawa ketiga-tiga bentuk otonomi tersebut sampai hari ini hanyalah berjalan atas kertas sahaja.

Adapun bentuk organisasi pemerintahan Aceh pada hari ini mengamalkan sistem gabenor sebagai ketua negeri. Wilayah administrasi pemerintahan dibagi kepada tiga wilayah administratif, iaitu wilayah I yang terdiri dari Kotamadya yang berpusat di Banda Aceh. Wilayah II terdiri dari kota atau kabupaten yang dijabat oleh seorang Bupati<sup>70</sup> sebagai ketua daerah. Wilayah III juga terdiri dari kota dan kabupaten. Tetapi bupati dibantu oleh seorang pembantu di wilayah perwakilan kabupaten.

Tingkat admistrasi pemerintahan terkecil adalah “*Gampong*”. Ketua Gampong (kampung) di sebut *Kechik*<sup>71</sup> yang membidangi masalah sosial dan politik masyarakat dan “*Tengku Imum*”<sup>72</sup> yang bertanggungjawab dalam bidang agama dan adat istiadat.<sup>73</sup>

## 2.10. Pendidikan

Institusi pendidikan terawal di Aceh ialah institusi Dayah.<sup>74</sup> Lembaga pendidikan ini telah berdiri sejak ratusan tahun yang lalu, iaitu sejak kerajaan Islam Perlak di Aceh Timur. Dayah pertama yang ditubuhkan di Aceh ialah

<sup>70</sup> Bupati adalah Kepala Wilayah.

<sup>71</sup> *Kechik* bermaksud Ketua Kampung.

<sup>72</sup> *Tengku Imum* bermaksud imam dalam sebuah desa atau kampung.

<sup>73</sup> *Indonesia-Aceh*, op.cit., h. 9-11.

<sup>74</sup> Dayah bermaksud Pondok atau Pesantren.

Dayah Cot Cibrek Perlak yang dirasmikan pada tahun 250 H bersamaan tahun 865 M. Diikuti oleh penubuhan Dayah Cot Kala yang berlokasi di desa Aramia, Bayeun Aceh Timur.<sup>75</sup> Menurut ahli sejarah bahawa institusi Dayah merupakan lembaga pendidikan yang tertua di Aceh, bahkan juga di Nusantara.

Setelah Aceh tergabung ke dalam bahagian dari Republik Indonesia, sistem pendidikan di Aceh terbagi atau dibahagikan kepada dua jenis sistem, iaitu:

- i. Pendidikan formal.
- ii. Pendidikan non formal.

Yang dimaksud dengan sistem pendidikan formal ialah sistem pendidikan yang bercirikan kepada konsep pemerintah, samada kerajaan mahupun swasta. Yang lebih dikenali di Aceh dengan pengajian umum.

Sementara bentuk pendidikan non formal ialah sistem pendidikan yang bercorak tradisi. Dan inilah yang disebut dengan pengajian agama yang terdapat di Dayah-dayah.<sup>76</sup> Namun bukan bermakna bahawa dalam pengajian formal tidak ada pengajian agama. Tetapi perbezaan ini hanya pada istilah masyarakat Aceh sahaja. Institusi pendidikan dalam bentuk formal di Aceh dijumpai dalam dua jenis pula. Pertama pengajian yang lebih banyak ditumpukan kepada subjek-subjek agama sahaja. Kedua pengajian yang lebih banyak difokuskan kepada subjek-subjek akademi sahaja. Antara institusi tersebut ialah:

- a. SD (Sekolah Dasar).
- b. SMP (Sekolah Menengah Pertama).

<sup>75</sup> Tgk. M. Arifin Amin *et al.* (ed), "Uraian Sekitar Kerajaan Islam Peurelak Aceh Timur" (Kertas Kerja Seminar Sejarah Masuk Dan Berkembangnya Islam Di Aceh Dan Nusantara di Aceh Timur 25-30 September 1980), h. 29-30.

<sup>76</sup> Dayah dengan kata lain dikenali sebagai Pondok Pesantren.

- c. SMA (Sekolah Menengah Atas).
- d. MIN (Madrasah Ibtidaiyah Negeri).
- e. MTsN (Madrasah Tsawiyah Negeri).
- f. MAN (Madrasah Aliyah Negeri)

Adapun jumlah institusi pendidikan non formal atau yang disebut dengan sistem pengajian *Dayah* atau Pondok Pesantren didapati dalam dua jenis pula. Iaitu Pondok Pesantren Tradisi dan Pondok Pesantren Modern. Jumlah Pondok/Dayah yang dianggap penting di Aceh mencapai 656<sup>77</sup> institusi.<sup>78</sup>

Selain itu, sebagai mana negeri-negeri lain, di Aceh juga terdapat lembaga pendidikan tinggi yang termasuk dalam institut pengajian tinggi awam dan swasta. Seperti Universiti IAIN Al-Raniry Banda Aceh, universiti Syiah Kuala Banda Aceh, Universiti Malik Al-Saleh di LhokSeumawe, Universiti Iskandar Muda, Universiti Serambi Mekkah dan lain-lain. Kesimpulanya sistem pendidikan yang sedia ada di Aceh saat ini ialah sistem pengajian Pondok/Dayah dan sistem pengajian sekolah-sekolah kerajaan dan IPTA atau Institusi Pengajian Tinggi Awam yang sekarang sedang giat dikembangkan di Aceh.

---

<sup>77</sup> Angka tersebut adalah jumlah Dayah yang setarap dengan Universiti dan memiliki santri ribuan orang dalam setiap satu Dayah. Adapun jumlah keseluruhan Pondok di seluruh Aceh mencapai ribuan Pondok.

<sup>78</sup> Lihat, *Aceh Dalam Angka* (2001), BPS Prov NAD., h. 104.